

Submission date: 28 Julai 2023      Acceptance date: 22 September 2023      Available online: 5 Oktober 2023

## PENDEKATAN DAKWAH UNTUK KANAK-KANAK MENERUSI QASAS AL-NABIYYIN MENURUT ABU AL-HASAN ‘ALI AL-NADWI

*THE APPROACH OF DA’WAH FOR CHILDREN THROUGH QASAS AL-NABIYYIN FROM ABU AL-HASAN  
‘ALI AL-NADWI’S PERSPECTIVES*

\*<sup>i</sup>Mohd Shahrizal Nasir & <sup>ii</sup>Kamarul Shukri Mat Teh

\*<sup>i</sup>Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA),  
Malaysia

<sup>ii</sup>Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah Dan Peradaban Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti  
Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia

Corresponding Author; e-mail: \*mohdshahrizal@unisza.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v3.139>

### ABSTRAK

Usaha dakwah Islamiah perlu dilakukan mengikut pendekatan yang bersesuaian. Pendekatan dakwah untuk golongan kanak-kanak mestilah meraikan keperluan dan tahap pemikiran mereka. Usaha yang dilakukan oleh Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi dalam menulis karya kisah para nabi (*Qasas al-Nabiyyin*) untuk kanak-kanak menyerlahkan satu pendekatan dakwah yang bersesuaian dengan golongan tersebut. Makalah ini akan merungkai pandangan al-Nadwi tentang kepentingan *Qasas al-Nabiyyin* sebagai satu bentuk pendekatan dakwah untuk kanak-kanak. *Qasas al-Nabiyyin* merupakan antara tema yang mengangkat kepentingan Sastera Kanak-Kanak Islami. Makalah ini menganalisis pandangan al-Nadwi berkaitan *Qasas al-Nabiyyin* dengan menggunakan kaedah analisis teks. Hasilnya, makalah ini mendapati bahawa pandangan al-Nadwi terhadap *Qasas al-Nabiyyin* berkait rapat dengan keperluan umat Islam memanfaatkan sumber ilmu berautoriti dalam Islam. Kandungan bahan bacaan yang menampilkan para nabi sebagai suri teladan perlu diutamakan dalam usaha membentuk keperibadian mulia bagi kanak-kanak. Justeru, *Qasas al-Nabiyyin* perlu diberi keutamaan dalam proses pendidikan kanak-kanak kerana ia adalah satu medium dakwah yang akan mendekatkan golongan tersebut kepada Islam.

**Kata Kunci:** *Qasas al-Nabiyyin*, al-Nadwi, Sastera Kanak-Kanak Islami, kisah para nabi, pendekatan dakwah

## ***ABSTRACT***

*Islamic da'wah efforts need to be done according to the appropriate approach. The Islamic da'wah approach to children must be in line with their needs and level of thinking. The effort made by Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi (al-Nadwi) in writing the story of the prophets (Qasas al-Nabiyyin) for children highlights a da'wah approach that is appropriate for them. This paper will discuss al-Nadwi's views on the importance of Qasas al-Nabiyyin as a form of da'wah approach for children. Qasas al-Nabiyyin is one of the themes that raise the importance of Islamic Children's Literature. This paper analyzes al-Nadwi's views regarding Qasas al-Nabiyyin by using text analysis methods. As a result, this paper found that al-Nadwi's view of Qasas al-Nabiyyin is closely related to the need of Muslims to hold the authoritative sources of knowledge in Islam. The content of reading material that features the prophets as role models should be prioritized to form a noble personality for children. Therefore, Qasas al-Nabiyyin needs to be given priority in the education process of children because it is a da'wah medium that will bring the group closer to Islam.*

**Keywords:** *Qasas al-Nabiyyin, al-Nadwi, Islamic Children's Literature, stories of the prophets, da'wah approach*

## **PENDAHULUAN**

Sarjana Islam bernama Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi yang berasal dari India bukanlah seorang tokoh dakwah yang asing dalam dunia Islam termasuk di Malaysia. Biografi kehidupan al-Nadwi telah banyak dicatatkan oleh para pengkaji antaranya Ahmad Fahmi (2000), al-Ghawri (2009), Mohammad Akram (2013), Syed Muhammad Rabey (2014), Zulkifli (2015) dan Mohd Rumaizuddin (2016). Al-Nadwi yang hidup antara tempoh tahun 1914 hingga 1999 telah banyak membicarakan isu-isu berkaitan kepentingan umat Islam mencakupi pelbagai bidang termasuk agama, politik, pendidikan, ekonomi, perundangan, sosial, kesusasteraan dan sebagainya. Dalam bab agama, al-Nadwi dilihat sebagai ilmuwan yang bergiat aktif dalam usaha dakwah. Selain itu, al-Nadwi berperanan besar dalam kesusasteraan bagi memastikan bidang ini sentiasa berada dalam ruang lingkup yang ditetapkan oleh Islam. Ini membuktikan bahawa kesusasteraan adalah antara bidang yang perlu diberi perhatian sewajarnya oleh umat Islam. Kesusasteraan juga termasuk dalam cabang ilmu yang boleh dimanfaatkan dalam usaha dakwah (Kamariah, 2022). Dalam keadaan al-Nadwi perlu mengurus pelbagai isu berkaitan umat Islam, bidang kesusasteraan tetap diberi perhatian dengan pelbagai usaha telah dilakukannya bagi memastikan dakwah Islamiah tidak dipisahkan daripada kesusasteraan.

Keprihatinan al-Nadwi terhadap kesusasteraan jelas kelihatan apabila beliau merupakan antara tokoh yang terawal membangkitkan istilah "Sastera Islam" (al-Adab al-Islami) dalam dunia kesusasteraan moden. Menurut 'Abd al-Quddus (1421H), al-Nadwi adalah antara individu awal yang menyeru para sarjana Islam agar membahaskan terminologi Sastera Islam sekitar tahun 1980-an. Malah sebelum waktu tersebut iaitu pada tahun 1957, al-Nadwi telah menerbitkan sebuah makalah bertajuk "*Al-Hajah ila Isti'rad Jadid*

*li Maktabat al-Adab al-‘Arabi’*. Makalah ini telah dimuatkan dalam sebuah majalah ilmiah iaitu *Majallah Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah bi Dimashq* bagi keluaran edisi 32, jilid 4. Saranan al-Nadwi berkenaan keperluan untuk memperkenalkan Sastera Islam dan gesaan agar semua pihak memberi perhatian terhadap idea tersebut dinyatakan dalam makalahnya.

Usaha al-Nadwi mengetengahkan idea Sastera Islam sehingga menjadi sebuah gagasan yang diberi perhatian oleh para sarjana telah menjadikan dirinya sebagai antara individu awal yang membincangkan takrifan Sastera Islam pada era moden (Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri, 2020a). Al-Nadwi turut terlibat dalam usaha menjelaskan isu-isu berkaitan Sastera Islam melangkaui sempadan negara yang didiaminya iaitu India (‘Abd al-Quddus, 1421H). Fakta ini turut dinyatakan oleh Sa‘d Abu al-Rida (1983) dan al-Basha (1998) yang menyatakan bahawa al-Nadwi merupakan seorang sarjana pertama yang meneroka gagasan Sastera Islam pada eranya. Usaha al-Nadwi tersebut kemudiannya turut mendapat perhatian serius daripada kalangan para sarjana Islam lain khususnya dari Timur Tengah seperti Sayyid Qutb, Muhammad Qutb dan Najib al-Kilani (Bin ‘Isa, 1998; al-Ya’qubi, 2011 & Rabih, 2019).

Sebenarnya, kehadiran Islam sebagai agama bagi umat Islam membuatkan kesusasteraan dapat dikaitkan dengan Islam termasuk melalui penghasilan karya-karya berteraskan Islam oleh karyawan Muslim. Ini dibuktikan menerusi kemunculan para pemuisi Arab zaman Rasulullah s.a.w. yang memanfaatkan puisi mereka untuk mempertahankan Islam daripada serangan golongan yang menyerang Islam menggunakan puisi. Jelaslah bahawa kesusasteraan mempunyai fungsi yang signifikan dalam penyebaran dakwah Islamiyah. Selain itu, kewujudan Surah al-Shu’ara’ (para pemuisi) dalam al-Quran menjadi bukti kukuh bahawa kesusasteraan Arab menerima kesan islamisasi sejak turunnya wahyu pertama kepada Rasulullah s.a.w. (Osman, 1999; al-Shanti, 2005). Walau bagaimanapun, wacana tentang Sastera Islam era kesusasteraan moden muncul kembali seiring dengan kemunculan gerakan Islam menerusi revolusi Barat yang berlaku secara besar-besaran dan menular masuk dalam dunia Islam. Hal ini berlaku bertujuan memastikan sastera untuk umat Islam tidak dicemari dengan sebarang ideologi yang bertentangan dengan ajaran Islam. Inilah antara sebab yang membawa kepada usaha al-Nadwi untuk mengetengahkan gagasan Sastera Islam agar kesusasteraan era moden melibatkan umat Islam tidak dipisahkan daripada agama Islam.

Pelantikan al-Nadwi sebagai pengurus pertama *Rabitah al-Adab al-Islami al-‘Alamiyyah* (Liga Sastera Islam Antarabangsa) merupakan satu penghormatan besar terhadap dirinya. Ini sebenarnya bertitik-tolak daripada usaha beliau mencetuskan idea Sastera Islam ketika persidangan pertama mengenainya diadakan di *Nadwatul ‘Ulama* sekitar tahun 1981 (‘Abd al-Basit, 1421H). Rentetan daripada persidangan tersebut, beberapa siri persidangan telah diadakan bagi membuat perbincangan lanjut mengenai konsep Sastera Islam dan penubuhan *Rabitah al-Adab al-Islami al-‘Alamiyyah*. Akhirnya pada Januari 1986, al-Nadwi secara rasmi telah dipilih untuk menyandang jawatan pengurus pertama sekaligus sebagai pengurus pengasas kepada *Rabitah al-Adab al-Islami al-‘Alamiyyah* (Mohammad Akram, 2013).

Kemuncak kepada semua usaha al-Nadwi mewacanakan semula Sastera Islam era moden berlaku apabila *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyyah* dirasmikan penubuhannya. Hal ini menunjukkan wacana Sastera Islam era moden akhirnya dapat diinstitusikan secara rasmi dan ia terus berfungsi sehingga ke hari ini. Selain itu, penubuhan *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyyah* membuktikan kepentingan Sastera Islam sebagai salah satu perkara penting dan semakin menjadi fokus perhatian umat Islam sejagat. Usaha-usaha memperkasa gagasan Sastera Islam terus berlangsung sehingga ke hari ini dengan pengajuran siri persidangan dan penerbitan bahan-bahan ilmiah yang membincangkan pelbagai isu berkaitan Sastera Islam. Dakwah menerusi aktiviti yang dilaksanakan oleh *Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyyah* menunjukkan kerelevan institusi ini yang dikaitkan secara langsung dengan kesusasteraan.

Perjuangan al-Nadwi memperkasa Sastera Islam dapat dilihat sebagai usaha besarnya dalam bidang kesusasteraan yang berkait rapat dengan dakwah Islamiah. Namun, al-Nadwi tidak hanya bercakap tentang Sastera Islam dari sudut teori semata-mata. Pelbagai usaha yang telah dilaksanakannya secara praktikal telah membuatkan Sastera Islam tidak hanya dikenali sebagai satu istilah yang dikaitkan dengan Islam. Al-Nadwi terlibat dalam penghasilan karya sastera termasuk genre sastera kembara (*adab al-rihlat*), autobiografi (*al-sirah al-zatiyah*), sastera kanak-kanak (*adab al-atfal*) dan sebagainya (Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri, 2020b). Dalam konteks Sastera Kanak-Kanak, al-Nadwi dilihat telah memberi penekanan yang signifikan dalam perkembangan sastera genre tersebut. Hal ini dibuktikan dengan penghasilan karya oleh al-Nadwi khusus untuk golongan kanak-kanak antaranya karya berjudul *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak), *Sirah Khatim al-Nabiyyin* (Sejarah Hidup Penutup Sekalian Nabi) dan *Qasas min al-Tarikh al-Islami li al-Atfal* (Kisah daripada Sejarah Islam untuk Kanak-Kanak).

Al-Nadwi tidak mendefinisikan maksud “kanak-kanak” dalam penulisannya. Walau bagaimanapun, kanak-kanak boleh difahami sebagai seseorang yang berumur di bawah 18 tahun seperti yang termaktub dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak dan Akta Kanak-Kanak, 2001 (Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat). Perkara penting yang ingin diketengahkan ialah penghasilan karya-karya sastera khusus untuk kanak-kanak oleh al-Nadwi mengundang keperluan untuk dilakukan penelitian lanjut apabila beliau dilihat memberi fokus terhadap kisah kehidupan para nabi atau *Qasas al-Nabiyyin* sebagai tema utama dalam penghasilan karya-karyanya untuk kanak-kanak. Malah penghasilan karya-karya tersebut yang terdiri daripada beberapa jilid membuktikan kandungan karya *Qasas al-Nabiyyin* untuk kanak-kanak sangat luas cakupannya dan sangat sesuai dijadikan medium dakwah untuk golongan berkenaan. Berdasarkan fakta tersebut, makalah ini akan memperhalusi kandungan karya *Qasas al-Nabiyyin* yang dihasilkan oleh al-Nadwi sebagai satu bentuk pendekatan dakwah untuk golongan kanak-kanak.

## AL-NADWI DAN KARYA SASTERA KANAK-KANAK

Karya al-Nadwi secara jelas telah menjadikan kisah para nabi atau dalam bahasa Arab disebut Qasas al-Nabiyyin sebagai tema utama dalam karya-karya beliau untuk kanak-kanak. Perlu dijelaskan bahawa meskipun istilah “al-Nabiyyin” digunakan, namun ia bukan bermaksud para nabi secara umum yang tidak diketahui bilangan serta nama mereka secara terperinci. Istilah “al-Nabiyyin” merujuk kepada para rasul iaitu 25 orang yang kisah mereka termaktub dalam al-Quran dan hadis. Inilah yang juga dimaksudkan oleh al-Nadwi apabila kandungan karyanya Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak) melibatkan kisah kehidupan para rasul walaupun beliau memilih penggunaan “al-Nabiyyin” pada judul karya tersebut. Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal merupakan sebuah karya al-Nadwi ditulis dalam bahasa Arab yang asalnya terdiri daripada lima jilid. Al-Nadwi telah mengambil masa selama kira-kira dua tahun iaitu mulai tahun 1944 hingga tahun 1946 untuk menyiapkan tiga jilid pertama Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal (al-Nadwi, 1985). Meskipun karya ini asalnya ditulis dalam bahasa Arab, kini telah ada naskhah karya Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal yang diterjemah ke dalam bahasa Melayu seperti terbitan Syabab Book Link (2011) dan Basoor Global (2016).

Jilid pertama naskhah asal Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal mengandungi kisah Nabi Ibrahim a.s. dan Nabi Yusuf a.s., manakala jilid kedua mengandungi kisah Nabi Nuh a.s., Nabi Hud a.s. dan Nabi Salih a.s. Jilid ketiga Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal pula mengandungi kisah Nabi Musa a.s. sahaja termasuk kisah panjang melibatkan Fir'aun dan Bani Isra'il. Jilid keempat terdiri daripada kisah Nabi Shu'aib a.s. dan Nabi Isa a.s., seterusnya jilid kelima dikhurasukan mengenai kehidupan Rasulullah s.a.w. Satu perkara yang dikenal pasti ialah al-Nadwi hanya memuatkan kisah sembilan orang nabi dengan kesemua para nabi yang menerima gelaran Ulu al-'Azm turut dipilih sebagai kandungan karyanya.

Usaha al-Nadwi menghasilkan karya Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal mengambil masa yang lama bagi melengkapkan keseluruhan lima jilid tersebut. Hanya selepas kira-kira tiga puluh tahun daripada terbitnya jilid pertama hingga jilid ketiga iaitu pada tahun 1946, al-Nadwi kemudiannya menyudahkan penulisan jilid keempat dan jilid kelima Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal yang berjaya disiapkan pada tahun 1975 dan diterbitkan pada tahun 1976 (al-Nadwi, 1985). Hal ini menjelaskan komitmen al-Nadwi yang tidak pernah luntur dalam usaha menghasilkan karya khusus untuk golongan kanak-kanak melibatkan kisah para nabi. Meskipun al-Nadwi terlalu sibuk dengan pelbagai urusan dakwah sehingga ke peringkat antarabangsa serta penulisan karya-karya lain, beliau tetap konsisten meneruskan usahanya menyiapkan lima jilid Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal dan kesemua karya tersebut masih dapat dibaca sehingga sekarang.

Manakala jilid kelima Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal memuatkan kisah kehidupan Rasulullah s.a.w. kemudiannya dicetak secara berasingan dengan judul Sirah Khatim al-Nabiyyin (Sejarah Hidup Penutup Sekalian Nabi). Manakala sebuah lagi karya al-Nadwi untuk kanak-kanak ialah Qasas min al-Tarikh al-

Islami li al-Atfal (Kisah daripada Sejarah Islam untuk Kanak-Kanak) telah diterbitkan pada tahun 1991 iaitu lapan tahun sebelum al-Nadwi meninggal dunia. Karya tersebut memuatkan sebanyak 18 kisah berkaitan sejarah Islam termasuk kisah melibatkan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat seperti Saidina Umar dan beberapa orang lain. Karya ini masih menjadikan kisah kehidupan Rasulullah s.a.w. sebagai latar utama dan kisah-kisah lain yang termaktub dalam sejarah Islam. Menurut al-Nadwi (1991), selepas berjaya menyiapkan karya Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal pada era 1940-an, beliau masih terus berhasrat menghasilkan karya untuk kanak-kanak yang memberi fokus kepada sejarah Islam (al-tarikh al-Islami). Inilah gambaran kesungguhan al-Nadwi menghasilkan bahan bacaan yang sepatutnya didedahkan kepada golongan kanak-kanak dengan tujuan untuk mendekatkan pendidikan berteraskan Islam dalam diri dan pemikiran mereka.

Selain itu, usaha besar al-Nadwi yang meletakkan Qasas al-Nabiyyin sebagai tema bacaan untuk kanak-kanak menunjukkan keyakinannya terhadap kisah para nabi yang mesti didedahkan kepada golongan tersebut. Ketokohan al-Nadwi dalam bidang dakwah Islamiah telah dibuktikan dengan penghasilan karya khusus untuk kanak-kanak. Pendirian al-Nadwi yang mengetengahkan Qasas al-Nabiyyin untuk bacaan golongan kanak-kanak mengundang keperluan untuk dilakukan penelitian tentang pandangan al-Nadwi terhadap kepentingan Qasas al-Nabiyyin sebagai medium dakwah kepada kanak-kanak. Ini mewajarkan pandangan al-Nadwi tentang Qasas al-Nabiyyin dibincangkan sehingga dapat dikenal pasti sejauh mana al-Nadwi melihat kepentingan kanak-kanak khususnya daripada kalangan orang Islam didedahkan dengan karya-karya berdasarkan sumber berautoriti dalam Islam seperti al-Quran dan hadis. Pemikiran al-Nadwi tentang Qasas al-Nabiyyin untuk kanak-kanak juga dapat menyerlahkan keperluan gagasan Sastera Kanak-Kanak Islami terus diperkasakan kerana kepentingannya sebagai satu pendekatan dakwah yang bersesuaian dengan golongan kanak-kanak.

## **GAGASAN SASTERA KANAK-KANAK ISLAMI**

Istilah Adab al-Atfal al-Islami (Sastera Kanak-Kanak Islami) bukanlah satu istilah yang asing dalam dunia Sastera Islam. Hal ini membuktikan bahawa perkaitan antara Sastera Kanak-Kanak dengan Islam bukanlah sesuatu isu yang baru dibincangkan kebelakangan ini. Mungkin hal ini berkait rapat dengan kedudukan bahasa Arab yang dilihat sangat rapat dengan agama Islam. Kandungan al-Quran dan hadis yang merupakan sumber utama dalam Islam diungkap dengan menggunakan bahasa Arab. Oleh itu, tidak keterlaluan jika dinyatakan bahawa hubungan antara perkara-perkara berlegar dalam kehidupan manusia lebih dekat dikaitkan dengan Islam dengan melihat kepada penggunaan bahasa Arab.

Al-Nadwi (2006) menghuraikan keperluan Sastera Kanak-Kanak Islami dalam makalahnya berjudul “Adab al-Atfal al-Islami wa al-Usturah” (Sastera Kanak-Kanak Islami dan Kisah Dongeng). Beliau secara jelas menggunakan istilah Adab al-Atfal al-Islami (Sastera Kanak-Kanak Islami) dalam tulisannya bagi menyerlahkan keperluan kanak-kanak Muslim didedahkan dengan karya-karya yang berteraskan Islam

serta menolak kisah-kisah dongeng yang didapati mempunyai perkaitan dengan kepercayaan syirik. Istilah yang sama iaitu Adab al-Atfal al-Islami digunakan oleh pengkaji lain seperti Muhammad ‘Abbas (2016) dan Muhammad Murtad (2018) yang mengupas keperluan istilah tersebut dijadikan satu konsep yang dapat memandu para ibu bapa dalam memilih bahan bacaan untuk anak-anak. Oleh itu, Sastera Kanak-Kanak khususnya untuk bacaan kanak-kanak Muslim perlu dijernihkan daripada kepercayaan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Penonjolan watak-watak rekaan yang digambarkan sebagai wira sehingga boleh menjelaskan akidah kanak-kanak Muslim perlu disekat daripada menjadi bahan bacaan mereka.

Penularan unsur-unsur yang bertentangan dalam agama Islam tidak boleh dihentikan sekiranya tiada sebarang alternatif diketengahkan bagi menggantikan bahan-bahan bacaan yang boleh merosakkan akidah kanak-kanak Muslim. Menurut Anwar Ridhwan (2015), lambakan karya yang bertentangan dengan akidah Islam perlu digantikan dengan karya-karya yang membawa mesej dan ajaran Islam. Fenomena ini juga melibatkan karya yang menjadi bahan bacaan golongan kanak-kanak. Oleh itu, penggunaan istilah Sastera Kanak-Kanak Islami yang mengaitkan Sastera Kanak-Kanak dengan Islam secara langsung mampu memberi isyarat yang jelas tentang keperluan memperkasakan ajaran Islam dalam penghasilan karya untuk golongan kanak-kanak (Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri, 2021a). Tambahan pula Sastera Kanak-Kanak Islami boleh menyerlahkan fungsi sastera sebagai medium penyebaran dakwah Islamiah.

Jika diperhatikan dalam konteks Kesusteraan Melayu, istilah Adab al-Atfal al-Islami yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai Sastera Kanak-Kanak Islami hampir tidak kelihatan secara meluas (Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri, 2021a; 2022). Hal ini mungkin disebabkan tahap kesedaran ibu bapa dan guru dalam meneliti kandungan karya-karya untuk golongan kanak-kanak. Berita-berita yang tidak baik sepertimana dilaporkan dalam akhbar berkenaan bahan-bahan bacaan kanak-kanak mungkin datang secara berkala apabila sesuatu pendedahan dibuat oleh pihak yang menyedari berlakunya kemungkarannya tersebut (Anwar Ridhwan, 2015). Selanjutnya persoalan yang boleh diketengahkan berkaitan isu ini ialah sejauh mana penguatkuasaan dibuat oleh pihak berwajib bagi memastikan bahan-bahan bacaan untuk kanak-kanak memang tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Persoalan ini memerlukan penelitian dan pengkajian dibuat kerana kemunculan penerbitan karya untuk bacaan kanak-kanak berlaku dengan pesat. Justeru, usaha penguatkuasaan berkaitan bahan bacaan kanak-kanak mesti dilakukan dengan lebih proaktif bagi membendung tersebarnya bahan bacaan yang mengandungi perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Menurut Mohd Shahrizal dan Kamarul Shukri (2021a), sikap sesetengah pihak yang tidak bersetuju apabila perkataan Islam dikaitkan dengan semua urusan juga menjadi antara punca istilah Sastera Kanak-Kanak Islami tidak digunakan secara meluas. Tambahan pula, hampir tiada usaha yang dijalankan untuk mewacanakan istilah Sastera Kanak-Kanak Islami sehingga menjadi satu konsep yang jelas. Hakikatnya, tidak mungkin semua kandungan bahan-bahan bacaan untuk kanak-kanak terjamin kesahihannya sejajar dengan ajaran Islam. Tidak mungkin juga semua karyawan di negara ini yang menghasilkan karya untuk

kanak-kanak memahami secara tuntas keperluan mengetengahkan bahan-bahan bacaan yang berteraskan Islam. Hatta penghasilan karya-karya yang dikaitkan dengan Islam seperti kisah para nabi dan rasul pun belum pasti kesemuanya berdasarkan sumber yang sahih dengan menepati batas-batas pengkaryaan yang ditetapkan dalam Islam (Zulkarnain, 2010; Mohd Shahrizal, 2011; 2015).

Setakat ini, belum ada individu atau badan tertentu yang dilihat serius mengetengahkan istilah Sastera Kanak-Kanak Islami di negara ini (Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri, 2021a). Pada masa yang sama, tidak dinafikan faktor pengistilahan Sastera Kanak-Kanak Islami itu sendiri masih “kabur” disebabkan kekangan dari aspek bahasa. Hal ini kerana penggunaan perkataan “Islami” masih belum diiktiraf secara rasmi dalam Kamus Dewan. Berdasarkan carian dalam laman “Khidmat Bahasa” kelolaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dinyatakan bahawa “Tidak ada perkataan “islami”, manakala perkataan “islamiah” dieja dengan huruf kecil. Terjemahan “Islamic” dalam bahasa Melayu ialah Islam seperti Islamic Law - Undang-undang Islam” (Khidmat Nasihat DBP). Penjelasan ini mengundang penelitian lanjut berkenaan penggunaan istilah “islami” dalam bahasa Melayu. Perkataan yang berasal daripada bahasa Arab ini masih belum diterima sebagai kata serapan dalam bahasa Melayu.

Walau bagaimanapun, wujud persoalan mengenai perkataan “islami” yang masih belum diterima sebagai bahasa Melayu sedangkan perkataan “islamiah” diterima sebagai satu kata serapan. Penerimaan perkataan “islamiah” sepetimana dinyatakan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat merujuk kepada perkataan “dakwah” yang turut berasal daripada bahasa Arab. Perkataan “islamiah” ditakrifkan sebagai perkataan yang berasal daripada bahasa Arab “yang berkaitan dengan Islam atau berasaskan agama Islam seperti kegiatan dakwah.” (Kamus Dewan Edisi Keempat-Dalam Talian). Ini bermaksud perkataan “islamiah” boleh dikaitkan dengan perkataan “dakwah” dalam bahasa Melayu sebagai perkataan yang spesifik iaitu “dakwah islamiah”. Perkara ini membuka ruang perbahasan dari sudut penerimaan perkataan bahasa Arab sebagai sebahagian daripada kata serapan dalam bahasa Melayu.

Menurut Mohd Shahrizal dan Kamarul Shukri (2021a), sekiranya perkataan “dakwah islamiah” boleh diterima sebagai perkataan dalam bahasa Melayu, maka hal ini juga mewajarkan perkataan “islami” juga diterima untuk dikaitkan dengan perkataan-perkataan yang bersesuaian dengannya. Dalam bahasa Arab, perkataan “islami” dan “islamiah” yang dikaitkan dengan perkataan lain dikira sebagai kata sifat atau kata adjektif (al-Rajihi, 1988). Maka sekiranya sesuatu perkataan termasuk dalam kategori kata nama femenin (mu’annath), maka kata sifatnya juga perlu dipadankan dalam bentuk mu’annath. Oleh itu, perkataan “dakwah” sesuai dikaitkan dengan kata sifat “islamiah”. Manakala sesuatu perkataan yang termasuk dalam kategori maskulin (muzakkár), maka kata sifatnya juga perlu disertakan dalam bentuk muzakkár, contohnya “manhaj islami”. Perkataan “manhaj” telah diterima sebagai sebahagian daripada kata serapan dalam bahasa Melayu.

Oleh itu, penggunaan istilah *Adab al-Atfal al-Islami* dalam bahasa Arab amat sesuai diterjemahkan sebagai Sastera Kanak-Kanak Islami. Malah penggunaan “Sastera Islam” (al-Adab al-Islami) yang masyhur dalam kalangan penggiat dan akademia sastera di Malaysia sebenarnya turut boleh diterjemahkan sebagai “Sastera Islami” (Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri, 2021a). Jelaslah bahawa pengetahuan yang jelas berkaitan tatabahasa bahasa Arab membolehkan penggunaan “Sastera Islami” diguna pakai meskipun istilah “Sastera Islam” lebih banyak digunakan. Sebagai contoh, Muhammad Bukhari Lubis (2017) menggunakan istilah “Kesusasteraan Islami” sebagai tajuk Syarahan Perdana Pelantikan Profesor Universiti Pendidikan Sultan Idris iaitu “Kesusasteraan Islami Bandingan: Menyingkap Tabir Mengungkap Fikir”. Malah Muhammad Bukhari Lubis turut menggunakan istilah “Sastera Islami” dalam penulisan-penulisannya berkaitan tema sastera yang dikaitkan dengan Islam. Sebelum itu, Rahmah (2006) juga dilihat telah menggunakan istilah “Sastera Islami” dalam makalahnya berjudul “*Islamic Literature and Sastera Islami: A Conceptual Comparison*”.

Berbalik kepada istilah Sastera Kanak-Kanak Islami, penggunaan perkataan “Islami” dilihat sebagai perkara yang “mendesak”. Hal ini kerana sekiranya perkataan “Islam” digunakan iaitu “Sastera Kanak-Kanak Islam”, maka ia mengundang konotasi makna yang boleh mengelirukan orang awam. Meskipun ada betulnya bahawa perbahasan sastera dalam konteks ini dikhususkan untuk kanak-kanak beragama Islam, namun ia tidaklah bermakna karya-karya dihasilkan yang berteraskan konsep ini tidak boleh dibaca oleh golongan kanak-kanak lain. Mohd Shahrizal dan Kamarul Shukri (2022) membuat penjelasan bahawa perkataan “Islami” lebih sesuai digunakan bagi menggambarkan bahawa “sastera” dalam konteks ini dikaitkan dengan Islam. Dengan kata lain, perbahasan mengenai konsep Sastera Kanak-Kanak Islami mencakupi perihal sastera yang menepati manhaj Islam sepertimana yang dijelaskan dalam al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w.

Istilah Sastera Kanak-Kanak Islami tidak sepatutnya ditakuti khususnya oleh orang Islam. Sememangnya Islam telah menerapkan garis panduan umum berkaitan kesenian dan kesusasteraan. Oleh itu, penggunaan istilah Sastera Kanak-Kanak Islami sebagai satu konsep yang jelas perlu diperkasakan menerusi pengajuran forum dan penerbitan wacana ilmiah agar bukan sahaja karyawan Muslim perlu terlibat secara aktif dalam merealisasikan tuntutan konsep Sastera Kanak-Kanak Islami dalam aktiviti pengkaryaan, malah para ibu bapa dan guru boleh mendapat panduan yang jelas dalam pemilihan bahan karya sastera berteraskan Islam.

Berdasarkan penjelasan tentang Sastera Kanak-Kanak Islami ini, perbincangan mengenai *Qasas al-Nabiyyin* perlu dilihat sebagai satu bentuk keperluan khususnya sebagai medium dakwah bagi golongan kanak-kanak. Hal ini juga sejajar dengan tahap usia kanak-kanak yang perlu pendedahan terhadap bahan-bahan bacaan yang dapat membentuk bukan sahaja kognitif yang baik tetapi juga sahsiah keperibadian

yang luhur (Mior, 2021). Kefahaman yang jelas tentang etimologi Sastera Kanak-Kanak Islami akan dapat mengaitkan istilah ini dengan pendekatan dakwah khusus untuk golongan kanak-kanak. Pendekatan dakwah ini menjurus kepada tema *Qasas al-Nabiyyin* yang perlu didedahkan sebagai bahan bacaan penting untuk kanak-kanak Muslim. Perkara inilah yang diberi perhatian serius oleh al-Nadwi dalam usaha dakwahnya menerusi pengkaryaan beberapa jilid karya tentang *Qasas al-Nabiyyin* untuk bacaan kanak-kanak.

## **QASAS AL-NABIYYIN SEBAGAI MEDIUM DAKWAH**

Setelah menyentuh perbincangan tentang Sastera Kanak-Kanak Islami, adalah wajar pemanfaatan *Qasas al-Nabiyyin* dijadikan salah satu daripada usaha memperkasa gagasan idea Sastera Kanak-Kanak Islami. Manakala usaha memberi pendedahan bahan bacaan *Qasas al-Nabiyyin* kepada golongan kanak-kanak dilihat sebagai satu pendekatan dakwah terhadap mereka. Menurut al-Qaradawi (1996) dakwah merupakan satu usaha menarik manusia kepada agama Islam dan mengikut petunjuk daripada Allah s.w.t. serta menegakkan syariat-Nya di dunia ini. Selain itu, dakwah juga merujuk kepada usaha menyeru manusia agar mentauhidkan Allah s.w.t. dengan ibadat dan amal ketaatan serta melepaskan diri daripada sebarang bentuk kongkongan selain daripada ketetapan daripada-Nya.

Justeru, sebenarnya usaha mendedahkan golongan kanak-kanak kepada bahan bacaan *Qasas al-Nabiyyin* merupakan satu bentuk pendekatan dakwah untuk mereka mengenal Allah s.w.t. menerusi golongan insan terpilih iaitu para nabi yang mempunyai kedudukan istimewa di sisi-Nya. Kesemua kisah para nabi secara jelas tidak dapat dipisahkan dengan titah perintah Allah s.w.t. memandangkan mereka menerima wahyu daripada-Nya. Oleh itu, setiap kisah yang melatari kehidupan mereka pastinya sarat dengan nilai-nilai murni yang sepatutnya diterapkan dalam diri golongan kanak-kanak. Al-Nadwi dalam mukadimah karyanya berjudul *Qasas min al-Tarikh al-Islami li al-Atfal* (Kisah daripada Sejarah Islam untuk Kanak-Kanak) merujuk kisah para nabi sebagai kisah yang paling tepat untuk diambil pengajaran berdasarkan pengiktirafan yang dinyatakan oleh Allah s.w.t. dalam al-Quran (al-Nadwi, 1991: 6):

وَلَا أَبْلُغُ وَلَا أَصْدِقُ مِنْ قَوْلِ اللَّهِ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: ﴿لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِّأُولَئِكَ الْأَلْبَابِ﴾. وَيَقُولُ  
مَخَاطِبًا لِنَبِيِّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ: ﴿فَاقْصُصِ الْقَصَصَ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ﴾

Terjemahan: Dan tidak ada yang lebih fasih dan benar selain daripada firman Allah s.w.t. dalam al-Quran yang bermaksud: “Demi sesungguhnya, kisah para nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang yang mempunyai akal fikiran...” (Surah Yusuf, ayat 111) Dan Allah s.w.t. berfirman kepada nabi-Nya yang bermaksud: “... maka ceritakanlah kisah-kisah itu supaya mereka berfikir.” (Surah al-A’raf, ayat 176)

Selain itu, apabila al-Nadwi menghasilkan sebuah karya khas berkaitan Rasulullah s.a.w. berjudul *Sirah Khatim al-Nabiyyin* (Sejarah Hidup Penutup Sekalian Nabi), maka usaha tersebut membuktikan

pandangan al-Nadwi yang sangat jelas tentang keperluan nilai-nilai murni dalam keperibadian diri baginda sepatutnya diterapkan dalam pembentukan sahsiah kanak-kanak Muslim. Kanak-kanak Muslim perlu mencontohi keperibadian Rasulullah s.a.w. serta menjadikan baginda sebagai suri teladan. Keperibadian ini boleh difahami menerusi kisah kehidupan baginda s.a.w. Sifat jujur dalam melaksanakan tanggungjawab, menghormati sesama manusia, menyantuni golongan fakir, tutur bicara yang lembut serta benar dan banyak lagi keperibadian Rasulullah s.a.w. yang boleh difahami seterusnya dicontohi oleh kanak-kanak menerusi pembacaan sejarah kehidupan baginda s.a.w. Natijahnya nanti kanak-kanak Muslim tidak akan teragak-agak untuk menyatakan bahawa idola kebanggaan mereka ialah Rasulullah s.a.w., dan bukannya individu lain. Ini kerana mereka telah didedahkan dengan *Qasas al-Nabiyyin* iaitu sejarah kehidupan Rasulullah s.a.w. sedari awal usia mereka lagi. Perkara ini antara lain telah dijelaskan oleh al-Nadwi (1985: 5) dalam mukadimah karyanya:

وقد جاءت فيه خلاصة السيرة ولباها، وروائع حكاياتها وأخبارها، وتاريخ الدعوة الإسلامية الأولى وفتواها  
وانتصاراتها، وعجائب التربية النبوية ومعجزاتها، فأصبح الكتاب مدرسة كاملة ينشأ فيها الطالب بين إيمان وحنان  
ويتقلب بين روح وريحان

Terjemahan: Dan buku ini mengandungi ringkasan sejarah hidup Rasulullah dan peristiwa penting dalam kehidupannya, serta hikayat dan berita yang menarik, juga sejarah penyebaran dakwah Islam era pertama dan penaklukan kawasan serta kemenangan dalam perang, dan kemenangannya, dan juga kehebatan pendidikan berdasarkan wahyu kenabian serta mukjizatnya. Maka buku ini dapat menjadi wadah pembelajaran yang lengkap, bagi tujuan melahirkan pelajar yang hidup dalam lingkungan iman dan kelembutan, serta membesar dengan acuan semangat dan suasana yang baik. (Terjemahan bebas penulis)

Oleh itu, kanak-kanak perlu diperkenalkan dengan kehidupan para insan hebat daripada kalangan para nabi terutama Rasulullah s.a.w. Dalam erti kata lain, al-Nadwi menghendaki agar kanak-kanak dapat melihat kehebatan serta keindahan hidup para nabi yang wajar dicontohi. Selain keperibadian Rasulullah s.a.w., al-Nadwi juga amat menitikberatkan kisah para nabi lain untuk kanak-kanak agar mereka menjadikan golongan tersebut sebagai contoh ikutan yang paling utama dalam kehidupan. Perbuatan mencontohi keperibadian para nabi oleh kanak-kanak boleh menambah kekuatan pegangan akidah. Sebagai contoh, kekuatan pegangan tauhid para nabi yang kekal mengesakan Allah s.w.t. meskipun menerima cabaran daripada musuh yang menentang mereka perlu dijadikan sumber inspirasi kepada golongan kanak-kanak. Pendek kata, keperibadian para nabi perlu dilihat sebagai perwira oleh kanak-kanak mengatasi watak-watak lain yang dicipta oleh manusia dalam cereka yang diada-adakan. Oleh itu, terdapat para sarjana Islam yang mengulas bahawa karya al-Nadwi iaitu *Qasas al-Nabiyyin* li al-Atfal merupakan “ilmu tauhid baharu” untuk kanak-kanak (Zulkifli, 2015). Ini merupakan satu pengiktirafan terhadap usaha al-Nadwi yang berjaya mempersempurnakan *Qasas al-Nabiyyin* sebagai tema karya yang bersesuaian dengan tahap kefahaman kanak-kanak.

Saranan agar manusia mencontohi keperibadian mulia yang ditunjukkan oleh para nabi telah dijelaskan oleh Islam. Ini sebenarnya menjadi misi perutusan para nabi dan rasul yang berperanan menerima dan menyampaikan wahyu kepada manusia pada zaman masing-masing. Malah perkara ini sememangnya dinyatakan oleh Allah s.w.t. dalam al-Quran berkenaan keperibadian unggul yang dimiliki oleh Rasulullah s.a.w. Keperibadian unggul tersebut mesti dicontohi oleh mereka yang mengharapkan keredaan-Nya serta kebahagian di akhirat kelak. Allah s.w.t. berfirman dalam al-Quran:

لَقَدْ كَانَ لِكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Terjemahan: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).  
(Surah al-Ahzab, 33: 21)

Berdasarkan penjelasan tersebut, dapat difahami bahawa al-Nadwi menghasilkan karya sastera untuk kanak-kanak berasaskan tasawur Islam yang termaktub dalam al-Quran. Pandangan al-Nadwi bahawa kanak-kanak perlu didedahkan kepada kisah para nabi telah disebut dalam mukadimah karyanya *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal*. Kesannya nanti kanak-kanak akan memiliki kebertanggungjawaban terhadap agama kerana mereka telah didedahkan dengan prinsip asas Islam yang terdapat dalam kisah para nabi atau *Qasas al-Nabiyyin*. Al-Nadwi mempunyai perspektif tersendiri berkenaan Sastera Kanak-Kanak Islami yang bukan sahaja bersifat teori, malah ia turut diaplifikasi dengan penghasilan karya-karya beliau yang bermutu khususnya *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal*. Inilah sebahagian daripada sumbangan besar al-Nadwi dalam memperkasakan Sastera Islam menerusi Sastera Kanak-Kanak Islami. Hal ini menurut Mohd Shahrizal dan Kamarul Shukri (2020b) adalah bukti jelas usaha al-Nadwi yang dilakukannya sendiri seawal tahun 1940-an, selain usaha-usaha dakwah lain yang turut dilakukannya bersama para sarjana Islam lain bagi memartabatkan gagasan Sastera Islam.

Semua penjelasan mengenai usaha al-Nadwi mengetengahkan kisah para nabi atau *Qasas al-Nabiyyin* sebagai inti pati utama bacaan kanak-kanak menunjukkan fungsi penting *Qasas al-Nabiyyin* sebagai medium dakwah Islamiah untuk golongan tersebut. Usaha al-Nadwi menghasilkan karya khusus untuk kanak-kanak yang bertemakan *Qasas al-Nabiyyin* dengan tempoh penghasilannya mengambil masa yang lama membuktikan pendiriannya yang konsisten terhadap keperluan golongan kanak-kanak didedahkan dengan kisah para nabi. Tambahan pula keperluan kanak-kanak yang sering dikaitkan dengan buku dan aktiviti pembacaan menjadikan *Qasas al-Nabiyyin* sangat relevan dijadikan salah satu bahan penyebaran dakwah yang berkesan.

Selain itu, kandungan *Qasas al-Nabiyyin* melibatkan penggunaan bahasa yang sesuai dan pengajaran berguna menerusi nilai-nilai murni dilihat sangat bertepatan dengan keperluan kanak-kanak. Penggunaan

bahasa yang ringkas dan mudah difahami telah dijadikan asas pengkaryaan al-Nadwi bagi karyanya *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal*. Manakala inti pati kandungan kisah para nabi yang dipilih oleh al-Nadwi kesemuanya mengetengahkan nilai-nilai murni yang perlu disemai dalam diri kanak-kanak. Kedua-dua perkara ini dilakukan oleh al-Nadwi bagi meraikan tahap pemikiran kanak-kanak. Tahap pemikiran ini merujuk kepada kebolehan mereka memahami sesuatu perkara dengan mudah sesuai dengan usia mereka. Inilah perkara yang sejajar dengan konsep dakwah yang perlu disebarluaskan mengikut tatacara yang bersesuaian dengan kelompok sasaran dakwah. Allah s.w.t. berfirman dalam al-Quran:

اَدْعُ اِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِهِمْ بِالِّيْهِ هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ مِنْ ضَلَالٍ عَنْ سَبِيلِهِ ۖ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Terjemahan: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat hidayah petunjuk. (Surah al-Nahl, 16: 125)

## NILAI MURNI UNTUK KANAK-KANAK DALAM KARYA QASAS AL-NABIYYIN

Pemilihan al-Nadwi terhadap kisah para nabi atau *Qasas al-Nabiyyin* sebagai bahan bacaan untuk kanak-kanak antara lain adalah untuk mereka mencontohi nilai-nilai mulia yang dipamerkan dalam kisah tersebut. Para nabi adalah golongan yang mesti memiliki sifat-sifat yang mulia seperti al-sidq (benar), al-amana (jujur), al-tabligh (menyebarluaskan dakwah) dan al-fatanah (kebijaksanaan) (Muhammad Fathullah, 2005 & al-Sallabi, 2011). Sifat-sifat tersebut wajib dimiliki oleh para nabi memandangkan mereka adalah golongan yang dipilih oleh Allah s.w.t. untuk menyampaikan dakwah kepada manusia. Justeru, sifat-sifat mulia yang dizahirkan dalam keperibadian para nabi menerusi sejarah kehidupan mereka dapat dilihat oleh kanak-kanak semasa membaca karya mengenainya. Ini secara langsung memberi ruang kepada kanak-kanak untuk mencontohi nilai-nilai murni yang ditunjukkan dalam kehidupan para nabi tersebut. Hal inilah yang sebenarnya menjadikan *Qasas al-Nabiyyin* sebagai satu medium pendekatan dakwah untuk golongan kanak-kanak.

Para nabi dan rasul merupakan golongan yang mendapat wahyu daripada Allah s.w.t. Setiap kisah yang melatari kehidupan mereka pastinya sarat dengan nilai-nilai rabbani yang dikaitkan dengan Allah s.w.t. dan ia sepatutnya diterapkan dalam diri kanak-kanak. Justeru, usaha al-Nadwi menghasilkan karya bertemakan *Qasas al-Nabiyyin* memperlihatkan dimensi pemikirannya yang meletakkan keperluan agar nilai-nilai rabbani dalam keperibadian diri para nabi perlu diterapkan dalam pembentukan sahsiah kanak-kanak. Penelitian terhadap kandungan karya-karya al-Nadwi untuk kanak-kanak mendapati bahawa semua nilai yang terkandung dalam kisah para nabi seperti berani atas kebenaran, dedikasi menggalas tanggungjawab,

melaksanakan usaha penyebaran dakwah dan bijaksana dalam setiap tindakan merupakan nilai-nilai rabbani yang sepatutnya dimiliki oleh setiap insan bermula dari usia kanak-kanak. Nilai-nilai baik inilah yang akan dapat menyerlahkan keluhuran sahsiah insan seawal usia kanak-kanak sepertimana yang dituntut oleh Islam.

Sebagai contoh, sifat amanah dikaitkan dengan kebertanggungjawaban seseorang terhadap sesuatu perkara. Sebenarnya bukan sahaja para nabi perlu memiliki sifat amanah, sebaliknya semua orang telah diingatkan oleh Islam tentang tanggungjawab yang akan dipersoal di akhirat nanti. Rasulullah s.a.w. menjelaskan perihal kewajipan melaksanakan amanah dalam kehidupan kerana ia akan dipertanggungjawabkan menerusi sabdanya:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْؤُلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، إِلَّا مَامُ رَاعٍ وَمَسْؤُلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Terjemahan: Setiap kalian adalah pemimpin dan akan ditanya tentang kepemimpinannya. Seorang ketua ialah pemimpin dan akan ditanya tentang kepemimpinannya... (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Disebabkan setiap orang merupakan pemimpin yang perlu melaksanakan kepimpinannya dengan amanah, maka mencontohi sifat para nabi yang diiktiraf memiliki sifat mulia ini perlu menjadi keutamaan. Oleh itu, golongan kanak-kanak perlu didedahkan dengan perkara-perkara yang menyerlahkan sifat amanah dalam diri para nabi ('Abd al-Rahman et al., 2014). Jika diperhatikan dalam sejarah kehidupan para nabi, kesemua mereka berdepan dengan tantangan terhadap usaha dakwah. Tidak ada seorang nabi yang terlepas daripada ujian penentangan oleh umat masing-masing. Malah ada para nabi yang mendapat gelaran Ulu al-'Azm kerana kesabaran luar biasa yang ditunjukkan oleh mereka ketika menyampaikan dakwah. Allah s.w.t. berfirman dalam al-Quran:

فَاصْبِرْ كَمَا صَبَرَ أُولُو الْعَزْمِ مِنَ الرُّسُلِ

Terjemahan: (Jika demikian akibat orang kafir yang menentangmu wahai Muhammad) maka bersabarlah engkau sebagaimana sabarnya para rasul "Ulu al-'Azm" (yang mempunyai keazaman dan ketabahan hati) daripada kalangan rasul (yang terdahulu daripadamu)... (Surah al-Ahqaf, 46: 35)

Menurut al-Sallabi (2011), kesabaran yang ditunjukkan oleh para nabi membuktikan bahawa mereka teguh dengan sifat amanah dalam diri. Walau apa pun cabaran yang datang, mereka tetap melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Sifat sebeginilah yang perlu ada dalam diri setiap insan termasuk kanak-kanak. Golongan kanak-kanak perlu didedahkan dengan sifat amanah dalam diri meskipun terpaksa berdepan dengan cabaran kehidupan. Karya al-Nadwi *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* turut merakamkan peristiwa yang berlaku berkaitan dakwah Nabi Musa a.s. berdepan dengan Fir'aun. Dalam keadaan Allah s.w.t. memerintahkan Nabi Musa a.s. untuk bertemu Fir'aun dan berdakwah di

hadapannya, baginda mempamerkan sifat amanah dalam melaksanakan perintah-Nya. Lalu baginda pergi menemui Fir'aun iaitu seorang pemerintah zalim yang mengaku dirinya sebagai tuhan. Ketika Allah s.w.t. memerintahkan Nabi Musa a.s. bersama Nabi Harun a.s. untuk menemui Fir'aun, mereka diminta agar menyampaikan dakwah dengan baik. Hal ini menggambarkan nilai amanah yang sangat tinggi dalam diri Nabi Musa a.s. walaupun bakal menerima tentangan daripada Fir'aun. Petikan berikut menjelaskan sifat amanah Nabi Musa a.s. serta saudaranya Nabi Harun a.s. (al-Nadwi, 1996, 1: 185-186):

وجاء موسى وهارون إلى فرعون وقاما في مجلسه ويدعوانه إلى الله  
وغضب الجبار من جراءة موسى وقال في علو وكبر: من تكون أيها الشاب حتى تقوم في مجلسي وتعظني  
ألسنت ذلك الغلام الذي التقطناه من البحر؟  
ألم نربك فيما ولدنا ولبشت فيما من عمرك سنين

Terjemahan:

Dan Musa serta Harun datang kepada Fir'aun lalu berdiri dalam majlisnya, kemudian mereka berdua menyeru Fir'aun agar beriman kepada Allah.

Dan Fir'aun lantas marah atas keberanian Musa dan berkata, dengan penuh rasa keagungan dan kesombongan: “Wahai anak muda, siapakah kamu yang bangun dalam majlisku dan memberi peringatan kepadaku? Bukankah anak lelaki itu yang kami ambil dari sungai?!”

“Bukankah kamu yang telah kami pelihara ketika masih kecil, dan telah berada dalam peliharaan kami selama bertahun-tahun?”

Situasi yang digambarkan oleh al-Nadwi dalam *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* tersebut memperlihatkan betapa Nabi Musa a.s. tetap menggalas amanah yang dipertanggungjawab kepadanya meskipun perlu berdepan dengan Fir'aun yang angkuh lagi zalim (Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh, 2021b). Fir'aun telah mengingatkan Nabi Musa a.s. tentang budi yang ditaburnya dalam kehidupan baginda iaitu membeskannya selama bertahun-tahun. Namun semuanya tidak mematahkan usaha Nabi Musa a.s. untuk melaksanakan perintah yang dipertanggungjawab kepadanya. Justeru, menurut Shamim (2012), kisah antara Nabi Musa a.s. dan Fir'aun perlu dihayati oleh kanak-kanak kerana ia menggambarkan kemenangan perkara benar dan iman yang diwakili oleh Nabi Musa a.s. mengalahkan perkara batil dan kufur yang diwakili oleh Fir'aun.

Oleh itu, Allah s.w.t. mengiktiraf Nabi Musa a.s. sebagai seorang yang memiliki sifat amanah menerusi pengakuan baginda sendiri yang dirakamkan oleh Allah s.w.t. dalam al-Quran:

وَلَقَدْ فَتَنَّا قَبْلَهُمْ قَوْمٌ فِرْعَوْنُ وَجَاءَهُمْ رَسُولٌ كَرِيمٌ

Terjemahan: Dan demi sesungguhnya! Sebelum mereka, Kami telah menguji kaum Fir'aun, dan mereka pun telah didatangi oleh seorang rasul (Nabi Musa) yang mulia. (Surah al-Dukhan, 44: 17)

أَنْ أَدُّوا إِلَيْيَ عِبَادَ اللَّهِ إِلَيْنِي لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ

Terjemahan: (Yang memberitahu kepada mereka dengan katanya): “Berikanlah kepadaku wahai hamba Allah (apa-apa yang menandakan kamu menerima kerasulanku); sesungguhnya aku ini seorang rasul yang amanah, yang diutuskan kepada kamu. (Surah al-Dukhan, 44: 18)

Para nabi lain juga diiktiraf oleh Allah sebagai insan yang memiliki sifat amanah seperti Nabi Nuh (Surah al-Shu'ara', 26: 107), Nabi Hud (Surah al-Shu'ara', 26: 125), Nabi Salih (Surah al-Shu'ara', 26: 143), dan Nabi Lut (Surah al-Shu'ara', 26: 162). Sebenarnya pengiktirafan Allah s.w.t. dalam al-Quran tentang keluhuran peribadi para nabi sebagai golongan yang soleh mewajarkan keperibadian mereka dicontohi. Inilah perkara yang menjadi asas penting dalam usaha mendedahkan *Qasas al-Nabiyyin* kepada golongan kanak-kanak. Jika kanak-kanak terdedah dengan kisah yang bertentangan dengan Islam, maka sudah pasti kesan buruk akan menular dalam pembentukan keperibadian mereka. Oleh itu, *Qasas al-Nabiyyin* mestilah dijadikan wadah dakwah untuk golongan kanak-kanak berdasarkan pengiktirafan Allah s.w.t. terhadap golongan nabi. Allah s.w.t. berfirman dalam al-Quran:

وَوَهَبْنَا لَهُ إِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ كُلًا هَدَيْنَا وَنُوحًا هَدَيْنَا مِنْ قَبْلٍ وَمِنْ ذُرْيَتِهِ دَاؤُودَ وَسُلَيْمَانَ وَأَيُّوبَ وَيُوسُفَ وَمُوسَى وَهَارُونَ وَكَذِيلَكَ نَجْرِي الْمُحْسِنِينَ

Terjemahan: Dan Kami (Allah) telah mengurniakan kepada Ibrahim; (anaknya) Ishak (daripada isterinya Sarah), dan (cucunya) Ya'qub. Tiap-tiap seorang (daripada mereka) Kami telah berikan petunjuk, dan Nuh juga Kami telah berikan petunjuk dahulu sebelum itu; dan daripada keturunan Ibrahim itu (ialah nabi-nabi): Daud, dan Sulaiman, dan Ayyub, dan Yusuf, dan Musa, dan Harun. Dan demikianlah Kami memberi balasan kepada orang yang berusaha supaya baik amal perbuatannya. (Surah al-An'am, 6: 84)

Dalam ayat tersebut, Allah s.w.t. menjelaskan bahawa para nabi merupakan golongan yang berusaha supaya melakukan perbuatan baik. Ini membuktikan keperibadian para nabi merujuk kepada perbuatan-perbuatan yang diiktiraf sebagai sesuatu yang baik di sisi Allah s.w.t. Pada dua ayat berikutnya pula iaitu Surah al-An'am ayat 85 dan 86, Allah s.w.t. menjelaskan bahawa para nabi merupakan golongan yang soleh (baik) serta mereka termasuk dalam kalangan orang yang memiliki darjah tinggi berbanding manusia lain. Semua ini membuktikan kehidupan para nabi diperlihatkan oleh Allah s.w.t. dengan nilai-nilai rabbani yang diperakui oleh Allah s.w.t. sebagai nilai yang amat baik (Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat The, 2021b). Inilah yang mewajarkan nilai-nilai rabbani tersebut dicontohi oleh kanak-kanak. Allah s.w.t. berfirman dalam al-Quran:

وَرَكِيٰ وَيَحْيَى وَعِيسَى وَإِلْيَاسٌ كُلُّهُمْ مِنَ الصَّالِحِينَ

Terjemahan: Dan (daripada keturunannya juga ialah para nabi) Zakaria, dan Yahya, dan Isa, dan Ilyas; semuanya daripada kalangan orang yang soleh. (Surah al-An'am, 6: 85)

وَإِسْمَاعِيلَ وَالْيَسَعَ وَيُونُسَ وَلُوطًا وَكُلُّا فَضَّلُّنَا عَلَى الْعَالَمِينَ

Terjemahan: Dan (daripada keturunannya juga ialah para nabi): Ismail, dan Ilyasa' dan Yunus, dan Lut; dan mereka itu semuanya, Kami (Allah) lebihkan darjat mereka atas umat-umat (yang ada pada zamannya). (Surah al-An'am, 6: 86)

Meskipun terdapat banyak nilai murni yang dapat dicontohi daripada insan-insan lain, hal ini tidak dapat mengetepikan keperluan untuk menerapkan nilai-nilai rabbani yang ada dalam diri para nabi. Malah mengambil manfaat daripada nilai-nilai rabbani yang ditunjukkan dalam kehidupan para nabi perlu dijadikan keutamaan dalam proses mendidik kanak-kanak. Oleh itu, al-Nadwi secara jelas telah memberi penekanan terhadap *Qasas al-Nabiyyin* kerana inilah sumber berautoriti yang dapat menyalurkan nilai-nilai rabbani kepada golongan kanak-kanak. Keutamaan terhadap *Qasas al-Nabiyyin* yang termaktub dalam sejarah Islam menjadi asas dalam proses pengkaryaan al-Nadwi untuk golongan kanak-kanak sesuai dengan pendiriannya sepetimana dinyatakan pada petikan berikut (al-Nadwi, 1997: 9):

والتاريخ الإسلامي من أغنى الشروط التاريخية والمكتبات العالمية، في روائع إيمانية وخلقية، ومثل إنسانية رفيعة...  
وكتب التاريخ الموثوق بها، مليئة طافحة بمثل هذه الحكايات والقصص، والمثل والنماذج

Terjemahan: Dan sejarah Islam adalah salah satu khazanah sejarah dan pustaka dunia yang paling berharga, dalam memaparkan keindahan iman dan pekerti, dan contoh teladan kemanusiaan yang tinggi... Dan buku-buku sejarah yang berkualiti, (kesemuanya) sarat dengan hikayat dan kisah bermanfaat seumpamanya, serta himpunan contoh teladan dan ikutan... (Terjemahan bebas penulis)

Semua perkara yang dijelaskan ini menunjukkan sudut pandang yang menyerlahkan dimensi pemikiran al-Nadwi terhadap kepentingan *Qasas al-Nabiyyin* dalam pendidikan kanak-kanak. Al-Nadwi telah memberi penekanan terhadap keperluan untuk mengetengahkan tema *Qasas al-Nabiyyin* dalam Sastera Kanak-Kanak Islami. Oleh itu, menurut al-Sadiq (2014) bagi merealisasikan keutamaan *Qasas al-Nabiyyin* dalam karya Sastera Kanak-Kanak Islami, al-Nadwi dilihat memberi tumpuan yang lebih terhadap genre kisah berbanding genre lain. Usaha al-Nadwi ini secara langsung memberi gambaran bahawa Sastera Kanak-Kanak Islami perlu diperkasakan dengan antara lain memberi penumpuan kepada *Qasas al-Nabiyyin* menerusi genre kisah.

## PENGHARGAAN

Penghargaan dirakamkan kepada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang telah membayai penyelidikan berkaitan artikel ini menerusi Skim Latihan Akademik Bumiputra (SLAB) bagi penulis utama yang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD).

## KESIMPULAN

Pendekatan dakwah yang dipilih oleh al-Nadwi untuk kanak-kanak dengan mengetengahkan *Qasas al-Nabiyyin* menunjukkan kesesuaian tema tersebut bagi golongan kanak-kanak khususnya daripada kalangan orang Islam. Menerusi kesusasteraan, al-Nadwi dilihat berjaya meninggalkan satu legasi ilmu dalam usaha dakwah melibatkan kanak-kanak menerusi penghasilan karya-karya berasaskan tema *Qasas al-Nabiyyin*. Al-Nadwi menterjemahkan ideanya yang menekankan kepentingan *Qasas al-Nabiyyin* untuk kanak-kanak antaranya menerusi karya beliau berjudul *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal*. Kandungan karya tersebut yang kesemuanya memberi tumpuan terhadap *Qasas al-Nabiyyin* menyerlahkan pandangan al-Nadwi yang menekankan keutamaan agar bahan bacaan kanak-kanak perlu bersumberkan al-Quran, hadis serta sejarah Islam. Inilah satu bentuk pendekatan dakwah yang diketengahkan oleh al-Nadwi untuk golongan kanak-kanak. Pemilihan *Qasas al-Nabiyyin* sebagai tema pengkaryaan bahan bacaan untuk kanak-kanak secara langsung menunjukkan pendirian al-Nadwi yang mengutamakan nilai-nilai rabbani yang terdapat dalam kisah para nabi. Ini sekaligus dapat memberi panduan kepada kanak-kanak bahawa golongan para nabi perlu dijadikan suri teladan dalam kehidupan sesuai dengan pengiktirafan yang diberikan oleh Allah s.w.t. kepada mereka sebagai golongan yang memiliki keperibadian unggul.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

‘Abd al-Basit Badr. (1421H). Juhud Abi al-Hasan fi khidmah al-Adab al-Islami. *Majallah al-Adab al-Islami*, 7(26-27), 38-42.

‘Abd al-Quddus Abu Salih. (1421H). Al-Shaykh Abu al-Hasan al-Nadwi wa Rabitat al-Adab al-Islami al-‘Alamiyyah. *Majallah al-Adab al-Islami*, 7(26-27), 157-161.

‘Abd al-Rahman ‘Abd al-Hashimi, Muhammad Ibrahim al-Khatib, Ahmad Ibrahim Suman, Bakr Samih al-Mujajadah & Fa’izah Muhammad Fakhri. (2014). *Asalib tadrис al-tarbiyah al-Islamiyyah*. Amman: Dar al-I’sar al-‘Ilmi li al-Nashr wa al-Tawzi’.

Abdullah Basmeih. (2010). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Qur’ān*. Cet. ke-12. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Ahmad Fahmi Zamzam. (2000). *Abul Hasan Ali al-Hasani an-Nadwi: sejarah hidup dan pemikirannya*. Kedah: Khazanah Banjariah.

Anwar Ridhwan. *Agresif sekat bacaan perosak akidah, moral*, Berita Harian Online, 4 Ogos 2015, <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2015/08/72193/agresif-sekat-bacaan-perosak-akidah-moral> (diakses pada 7 Ogos 2023).

Al-Basha, ‘Abd al-Rahman Ra’fat. (1998). *Nahw mazhab Islami fi al-adab wa al-naqd*. Kaherah: Dar al-Adab al-Islami li al-Nashr wa al-Tawzi’.

Bin ‘Isa Battahir. (1998). Al-Adab al-Islami wa naqduh ‘ind al-Shaykh Abi al-Hasan ‘al-Nadwi. *Majallah Islamiyah al-Ma’rifah*, 12, 99-131.

Al-Ghawri, Sayyid ‘Abd al-Majid. (2009). *Al-‘Allamah Abu al-Hasan al-Nadwi: ra’id al-adab al-Islami*. Beirut: Dar Ibn Kathir li al-Tiba’ah wa al-Nashr wa al-Tawzi’.

Kamariah Kamarudin. (2022). Pendakwah Sastera: Pentingnya Karya Sastera Berunsur Islam dalam Pembinaan Sahsiah. Dlm. Kamariah Kamarudin (peny.). *Teori dan Kritikan Sastera: Penilaian dan Wacana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mior Muhammad Saiful Nizan Mohd Saali. (2021). Perkembangan Kognitif Kanak-kanak dalam Kisah 25 Rasul untuk Adik-adik. Dlm. Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Faezah Muhayat (peny.). *Refleksi Sastera Kanak-kanak di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Akram Nadwi. (2013). *Shaykh ‘Abu al-Hasan ‘Ali Nadwi: his life and works*. West Yorkshire: Nadwi Foundation.

Mohd Rumaizuddin Ghazali. (2016). *Biografi agung: Abu al-Hasan Ali al-Nadwi*. Shah Alam: Karya Bestari.

Mohd Shahrizal Nasir. (2011). Pemanfaatan ayat al-Quran serta sebab penurunannya (Sabab al-Nuzul) dalam novel Perang Uhud karya Abdul Latip Talib. *Jurnal Pengajaran Melayu*, 22, 185-204.

Mohd Shahrizal Nasir. (2015). Sabab al-nuzul ayat-ayat al-Quran dalam novel Perang Badar oleh Abdul Latip Talib. *Jurnal Pertanika Mahawangsa*, 2(2), 247-268.

Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2020a). Sumbangan al-Nadwi terhadap perkembangan sastera Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(3), 111-130.

Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2020b). Tasawur sastera kanak-kanak Islami menurut perspektif al-Nadwi. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporer*, 21(3), 37-59.

Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2021a). Penelitian semula terhadap konsep Sastera Kanak-Kanak Islami. *Ulum Islamiyyah: The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 33(3), 151-173.

Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2021b). Elemen nilai dalam teks sastera kisah para nabi untuk bacaan kanak-kanak menurut perspektif al-Nadwi. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 11(1), 14-26.

Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2022). Pengkonsepsian sastera kanak-kanak berdasarkan tasawur Islam. *Jurnal al-Sirat*, 20(1), 21-39.

Muhammad ‘Abbas ‘Arabi. (2016). Adab al-Tifl al-Islami: al-Shaykh Abu al-Hasan al-Nadwi Namuzajan. *Al-Majallah al-Ilikturuniyah li Rabitah al-Adab al-Islami al-‘Alamiyyah*, 65, <https://adabislami.org/magazine/2016/12/2773/14> (diakses pada 5 Mei 2023).

Muhammad Bukhari Lubis. (2017). *Kesusasteraan Islami Bandingan: menyingkap tabir, mengungkap fikir*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Muhammad Fathullah Kulan. (2005). *Min sifat al-anbiya’ wa makanatuha min sayyid al-asfiya’*. (Terj.) Urkhan Muhammad Ali. Kaherah: Dar al-Nil li al-Tiba’ah wa al-Nashr.

Muhammad Murtad. (2018). Istifadah Adab al-Atfal al-Islami min al-‘Ulum al-Insaniyah al-Mukhtalifah. *Al-Majallah al-Ilikturuniyah li Rabitah al-Adab al-Islami al-‘Alamiyyah*, 84, <https://mail.adabislami.org/magazine/2018/10/3546/208> (diakses pada 17 Jun 2023).

Al-Nadwi, Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi. (1985). *Sirah khatim al-Nabiyyin*. Cet. 9. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.

Al-Nadwi, Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi. (1997). *Qasas min al-tarikh al-Islami li al-atfal*. Amman: Dar al-Bashir li al-Nashr wa al-Tawzi’.

Al-Nadwi, Abu al-Hasan ‘Ali. (1996). *Qasas al-Nabiyyin li al-atfal*. Cet. 20. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.

Osman Khalid. (1999). *Kesusasteraan Arab zaman permulaan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat. t.th. *Dasar Kanak-kanak Negara*. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=VEliZUhrbWc2VC9wM3hEVWxTWVVFdz09#:~:text=Kanak%2Dka%20didefinisikan%20sebagai%20seseorang,Akta%20Kanak%2DKanak%2C%202001>. (diakses pada 11 Ogos 2023).

Al-Qaradawi, Yusuf. (1996). *Thaqafah al-Da’iyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah

Rabih Khawiyyah. (2019). Al-Adab al-Islami: qira’ah fi al-mustalah wa al-mafhum. *Dirasat Adabiyyah*, 11(1), 87-118.

Rahmah Ahmad Osman. (2006). Islamic Literature and Sastera Islami: a conceptual comparison. *Intellectual Discourse*, 14(1), 71-87.

Al-Rajihi, ‘Abduh. (1988). *Al-Tatbiq al-Nahwi*. Beirut: Dar al-Nahdah al-‘Arabiyyah li al-Tiba’ah wa al-Nashr.

Sa‘d Abu al-Rida. (1983). *Al-Adab al-Islami: qadiyah wa al-bina’*. Jeddah: ‘Alam al-Ma’rifah.

Al-Sadiq Muhammad Adam Sulayman. (2014). Manhaj al-Shaykh al-Nadwi fi kitabih “Adab al-sirah al-nabawiyah li al-atfal”. Dlm. Muhammad Tariq al-Ayyubi al-Nadwi. Mawqif al-Shaykh Abi al-Hasan ‘Ali al-Nadwi min al-afkar al-mua’sirah. Lucknow: Matba’ Nu’mani.

Al-Sallabi, ‘Ali Muhammad. (2011). *Al-Iman bi al-rusul wa al-risalat*. Beirut: Dar al-Ma’rifah.

Shamim Majid Khattak. (2012). Adab al-atfal fi a'mal Abi al-Hasan 'Ali al-Nadwi rahimahullah. *Al-Dirasat al-Islamiyyah - Pakistan*, 47(1), 183-204.

Al-Shanti, Muhammad Salih. (2005). *Fi al-adab al-'Arabi al-qadim: 'asruh, wa ittijahatuh, wa tatawwuruh, wa namazij madrusah minh*. Jil. 1. al-Tab'ah al-rabi'ah. Ha'il: Dar al-Andalus li al-Nashr wa al-Tawzi'.

Syed Muhammad Rabey Hasani Nadwi. (2014). *Syed Abul Hasan 'Ali Nadwi: An eminent scholar, thinker and reformer*. (Terj.) Mohammed Moidul Haque. New Delhi: D.K. Printworld (P) Ltd.

Al-Ya'qubi, 'Ali Yusuf. (2011). Mustalah al-Adab al-Islami fi al-naqd al-hadith bayn al-qabul wa al-rafd. *Majallah al-Jami'ah al-Islamiyyah* (Silsilah al-Dirasat al-Insaniyyah), 19(2), 1173-1206.

Zulkarnain Mohamed. (2010). Al-Quran, Ilmu, Disiplin Islami dan Sastera. Dlm. Ungku Maimunah Mohd. Tahir (peny.). *Kedudukan Ilmu dalam Kesusastraan: Teori dan Praktis*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia

Zulkifli Mohamad. (2015). *Maulana Syeikh Abu al-Hasan Ali al-Nadwi: da'i, muslih, alim dan rabbani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.